

Melayu diajak cari punca kekuatan

Oleh AZIAH JAAFAR

TASEK GELUGOR 9 Sept. - Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengajak orang Melayu mencari punca kekuatan yang boleh menjadi asas untuk melonjakkan mereka ke tahap yang lebih cemerlang.

Beliau berkata, jika orang Melayu mahu menjadi bangsa yang mulia, dihormati dan disegani, mereka tidak boleh terbawa-bawa oleh perasaan atau emosi semata-mata tetapi memerlukan kekuatan serta lonjakan paradigma berganda.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, perjuangan orang Melayu untuk maju boleh diibaratkan seperti mendaki gunung yang menuntut kesabaran, kesungguhan dan kekuatan tenaga untuk sampai ke puncak.

Oleh itu, beliau meminta ahli-ahli UMNO yang merupakan parti terbesar mewakili orang Melayu, supaya memimpin bangsa itu mencari asas kekuatan yang boleh membawa mereka ke puncak.

"Bagi kita hari ini, perjuangan yang berdasarkan semangat saja mungkin sesuai pada ketika berada di kaki gunung iaitu semasa kita menuntut kemerdekaan, masa itu boleh bertempik hidup Melayu atau laung slogan 'merdeka'.

"Tapi percayalah bila sudah berada di satu takuk yang lebih atas, kita tidak boleh terus bergantung kepada semangat semata-mata tetapi kita mesti dibekalkah dan berbekalkan dengan kekuatan yang lebih daripada semangat," katanya semasa berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Tasek Gelugor di sini hari ini.

Menurut Najib, persekitaran hari ini adalah lebih kompleks serta bergerak dengan pantas dan orang Melayu perlu berubah dari segi cara berfikir dan bertindak supaya anjakan tersebut dapat dicapai.

Menurut beliau, antara cara untuk melakukan anjakan berganda ialah dengan setiap keluarga Melayu melahirkan seorang usahawan dan seorang profesional.

"Bagi orang Melayu, dalam konteks perjuangan akan datang kena ada pemikiran



NAJIB Tun Razak memeriksa perbarisan kehormat Briged Putra UMNO Tasek Gelugor sebelum merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO bahagian itu semalam. Turut sama Ketua UMNO Bahagian, Mohd. Shariff Omar.

-Gambar

SHAMSUDIN SALEH

seperti itu, kena ada matlamat yang hendak dicapai dan salah satu perkara yang boleh menjadi lonjakan ialah dengan melahirkan seorang usahawan dan seorang profesional dalam setiap keluarga," katanya.

Menurut beliau, sekarang tiada sebab mengapa matlamat itu tidak boleh dicapai kerana peluang menuntut ilmu kini lebih mudah, oleh itu institusi-institusi pengajian tinggi perlu dipenuhi dengan anak-anak Melayu supaya mereka mahir dalam bidang

sains dan teknologi.

"Inilah semangat yang kita kena bakar dalam sanubari setiap insan bernama Melayu. Kita kena melahirkan orang Melayu hebat dalam bidang teknologi yang boleh menjana kekayaan negara dan membawa kita ke tahap yang lebih baik," ujarnya.

Dalam pada itu, Najib mengingatkan ahli-ahli, UMNO supaya menjaga serta memperkasakan parti itu agar tidak berkubur kerana nasib orang Melayu bergantung ke-

pada survival parti itu.

Katanya, UMNO bukan saja sebuah parti keramat tetapi juga institusi politik kerana tiada negara lain yang nasib sesuatu bangsa itu berkait rapat dengan parti politik.

"Sukar bagi kita hendak menggambarkan nasib orang Melayu jika UMNO terkubur atas apa jua sebab. UMNO parti keramat dan dapat dijadikan perlindungan dan wahana untuk memperjuangkan nasib dan masa depan Melayu di negara kita," ujarnya.